

ETP: 8 juta rakyat berpendapatan RM2,000 - RM7,000 pada 2020

Utusan Online

24 Februari, 2013

Oleh HAMIMAH HAMID

IPOH 24 Feb. - Kerajaan menyasarkan lapan juta rakyat negara ini akan memperoleh pendapatan antara RM2,000 hingga RM7,000 menjelang tahun 2020 melalui pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi Negara (ETP).

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah berkata, pendapatan rakyat Malaysia antara RM2,000 dan RM7,000 pada masa ini hanya sekitar 4.5 juta orang.

Beliau berkata, sasaran itu boleh dicapai kerana Malaysia sedang berada di landasan yang betul untuk muncul sebagai negara berpendapatan tinggi.

"Di bawah ETP, sasaran kita menjelang 2020 ialah Pendapatan Negara Kasar (PNK) sebanyak RM1.7 trilion yang pada masa ini hanya sekitar RM900 bilion.

"Bagi mencapai PNK lebih tinggi dan mewujudkan tenaga kerja berpendapatan tinggi, kita perlu memberi fokus kepada aktiviti ekonomi berskala tinggi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pasar Basah Tanjung Rambutan bernilai RM6.8 juta di sini hari ini. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130224/dn_29/ETP-8-juta-rakyat-berpendapatan-RM2000---RM7000-pada-2020